

Cadang Memorial Datuk Onn di Batu Pahat

UM-28/2/2006

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mencadangkan Memorial Datuk Onn Jaafar dibina di Batu Pahat, Johor.

Cadangan itu dibuat selepas majlis perhimpunan memperingati perjuangan menentang Malayan Union diketuai Datuk Onn Jaafar 60 tahun lepas, yang turut melahirkan UMNO, kata pergerakan itu dalam satu kenyataan hari ini.

Pemuda UMNO mencadangkan rumah peninggalan pengasas UMNO itu di Batu Pahat Golf Club, dijadikan memorial.

Dengan adanya memorial itu nanti, detik-detik perjuangan Onn Jaafar akan dapat diabadikan dan mencetuskan semangat nasionalisme Melayu yang cintakan kedamaian, perpaduan dan menyelamatkan sistem Raja-Raja Melayu, kata Pemuda UMNO.

Pergerakan itu berkata, bantuan daripada agensi kerajaan khususnya Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan boleh membantu merealisasikan cadangan pembinaan memorial serta bantuan kerajaan Johor untukewartakan Rumah Onn Jaafar sebagai Memorial Datuk Onn Jaafar.

Semalam, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai 6,000 anggota UMNO yang lengkap berbaju Melayu berjalan sejauh satu kilometer bermula dari pejabat UMNO Batu Pahat hingga ke Stadium Batu Pahat, bagi memperingati perjuangan Onn Jaafar.

- Bernama